
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

AAW 322 - Perakaunan Kewangan Lanjutan II

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan.

Soalan 1 (25 markah)

Pada 1 Januari 1995, Aiwa Bhd. memperolehi 70% kepentingan modal saham dalam Philips Sdn. Bhd. dengan harga RM10 juta. Pada tarikh tersebut, aset bersih Philips Sdn. Bhd. menunjukkan nilai saksama dan keuntungan tertahan berjumlah RM2 juta.

Penyata Pendapatan untuk tahun berakhir 31 Disember 1999

	Aiwa Bhd. RM'000	Philips Sdn. Bhd. RM'000
Jualan	24,800	17,872
Kos Jualan	<u>(15,000)</u>	<u>(9,200)</u>
Keuntungan kasar	9,800	8,672
Pendapatan dividen (kasar)	2,250	0
Pendapatan faedah	160	0
Pendapatan sewa	120	0
Yuran pengurusan	60	0
Perbelanjaan	<u>(5,400)</u>	<u>(4,200)</u>
Keuntungan bersih sebelum percukaian	6,990	4,472
Tolak: Percukaian	<u>(1,957)</u>	<u>(1,252)</u>
Keuntungan bersih selepas percukaian	5,033	3,220
Tolak: Dividen yang dicadangkan	<u>(2,500)</u>	<u>(2,314)</u>
Keuntungan tertahan tahun semasa	2,533	906
Keuntungan tertahan pada 1.1.1999	<u>6,227</u>	<u>5,360</u>
Keuntungan tertahan pada 31.12.1999	<u>8,760</u>	<u>6,266</u>

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 1999

	Aiwa Bhd. RM'000	Philips Sdn. Bhd. RM'000
Modal saham RM1 setiap satu	20,000	10,000
Keuntungan tertahan	8,760	6,266
Pinjaman daripada Aiwa Bhd.	0	2,000
	<u>28,760</u>	<u>18,266</u>
Aset tetap	16,535	16,970
Pelaburan dalam Philips Sdn. Bhd.	10,000	0
Pinjaman kepada Philips Sdn. Bhd.	2,000	0
Stok	4,300	3,500
Penghutang	2,000	2,500
Dividen belum diterima	1,620	0
Bank	140	1,630
Pemiutang	<u>(3,135)</u>	<u>(2,420)</u>
Percukaian	<u>(2,200)</u>	<u>(1,600)</u>
Dividen yang dicadangkan	<u>(2,500)</u>	<u>(2,314)</u>
	<u>28,760</u>	<u>18,266</u>

...3/-

Maklumat tambahan:

- (a) Dalam tahun berakhir 31 Disember 1999, Aiwa Bhd. menjual barangan kepada Philips Sdn. Bhd. dengan harga inbois berjumlah RM4,000,000. Daripada jualan tersebut, RM1,000,000 masih berada sebagai stok akhir Philips Sdn. Bhd. pada 31 Disember 1999. Stok akhir pada tahun 1998 berjumlah RM800,000. Margin keuntungan untuk Aiwa Bhd. adalah 10% atas harga jualan.
- (b) Dalam tahun 1998, Philips Sdn. Bhd. menyiapkan pembinaan satu gudang untuk kegunaan Aiwa Bhd. dengan kos sebanyak RM1,000,000. Harga pemindahan adalah RM2,000,000 dan amaun ini telah direkod sebagai aset tetap oleh Aiwa Bhd. Gudang tersebut telah disusutnilaikan mengikut garis lurus pada kadar 10% setahun. Susutnilai penuh telah dikira untuk tahun perolehan.
- (c) Aiwa Bhd. memberi pinjaman berjumlah RM2 juta kepada Philips Sdn. Bhd. dengan kadar faedah 8% setahun. Aiwa Bhd. juga menyewa satu bangunan kepada Philips Sdn. Bhd. dengan sewa bulanan sebanyak RM10,000. Aiwa Bhd. memberi perkhidmatan pengurusan kepada Philips Sdn. Bhd. dengan yuran sebanyak RM60,000 setahun.
- (d) Andaikan kadar cukai adalah 28%. Abaikan perakaunan kesan cukai (cukai tertunda).

Dengan mengikut piawaian perakaunan MASB 11, anda dikehendaki:

- (a) Menunjukkan jurnal pelarasan Disatukan (naratif tidak diperlukan); [12 markah]
- (b) Menyediakan lembaran kerja Disatukan untuk Aiwa Bhd. bagi tahun kewangan 1999. [13 markah]

Soalan 2 (25 markah)

Pada 1 Januari 1995, Petronas Bhd. memperolehi 70% kepentingan dalam Shell Bhd. apabila keuntungan tertahan Shell Bhd. adalah RM1,000,000. Pada 1 Januari 1999, Petronas Bhd. memperolehi 35% kepentingan dalam modal saham Mobil Bhd. dengan harga RM4,500,000.

Penyata Pendapatan untuk tahun berakhir 31 Disember 1999

	Petronas Bhd. RM'000	Shell Bhd. RM'000	Mobil Bhd. RM'000
Jualan	19,750	17,833	9,889
Perbelanjaan	<u>(13,000)</u>	<u>(12,000)</u>	<u>(6,000)</u>
Keuntungan bersih	6,750	5,833	3,889
Dividen kasar yang diterima dari Mobil Bhd.	389	0	0
Tolak: Percukaian	<u>(1,999)</u>	<u>(1,633)</u>	<u>(1,089)</u>
Keuntungan bersih selepas percukaian	5,140	4,200	2,800
Tolak: Dividen yang telah dibayar	<u>(1,000)</u>	<u>0</u>	<u>(800)</u>
Keuntungan tertahan tahun semasa	4,140	4,200	2,000
Keuntungan tertahan pada 1.1.1999	<u>7,860</u>	<u>5,800</u>	<u>3,000</u>
Keuntungan tertahan 31.12.1999	<u>12,000</u>	<u>10,000</u>	<u>5,000</u>

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 1999

	Petronas Bhd. RM'000	Shell Bhd. RM'000	Mobil Bhd. RM'000
Modal saham RM1 setiap satu	20,000	10,000	10,000
Keuntungan tertahan	<u>12,000</u>	<u>10,000</u>	<u>5,000</u>
	<u>32,000</u>	<u>20,000</u>	<u>15,000</u>
Pelaburan dalam Shell Bhd. (kos)	9,500	0	0
Pelaburan dalam Mobil Bhd. (kos)	4,500	0	0
Aset bersih lain	<u>18,000</u>	<u>20,000</u>	<u>15,000</u>
	<u>32,000</u>	<u>20,000</u>	<u>15,000</u>

Berdasarkan piawaian perakaunan MASB 11 dan MASB 12, anda dikehendaki:

- Menyediakan jurnal pelarasan Disatukan (naratif tidak diperlukan); [4 markah]
- Menyediakan jurnal pelarasan mengikut kaedah perakaunan ekuiti (naratif tidak diperlukan); [4 markah]
- Menyediakan lembaran kerja Disatukan; dan [13 markah]
- Mengira amaun angkutan untuk pelaburan dalam syarikat bersekutu pada 31 Disember 1999. [4 markah]

...5/-

Soalan 3 (25 markah)

Intan Bhd. memperolehi 90% kepentingan dalam modal saham Emas Bhd. apabila keuntungan tertahan Emas Bhd. adalah RM3,000,000.

Penyata Pendapatan untuk tahun berakhir 31 Disember 1999

	Intan Bhd. RM'000	Emas Bhd. RM'000
Keuntungan sebelum percukaian	9,722	3,333
Tolak: Percukaian	<u>(2,722)</u>	<u>(933)</u>
Keuntungan selepas percukaian	7,000	2,400
Keuntungan tertahan pada 1.1.1999	<u>39,000</u>	<u>12,600</u>
Keuntungan tertahan pada 31.12.1999	<u>46,000</u>	<u>15,000</u>

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 1999

	Intan Bhd. RM'000	Emas Bhd. RM'000
Modal saham RM1 setiap satu	20,000	10,000
Keuntungan tertahan	46,000	15,000
Akaun tergantung (jualan saham)	<u>9,000</u>	<u>0</u>
	<u>75,000</u>	<u>25,000</u>
Pelaburan dalam Emas Bhd., 9 juta saham (kos)	18,000	0
Aset bersih lain	<u>57,000</u>	<u>25,000</u>
	<u>75,000</u>	<u>25,000</u>

Pada 30 Jun 1999, Intan Bhd. menjual 2,000,000 saham dalam Emas Bhd. untuk wang tunai sebanyak RM9,000,000. Wang tunai yang diterima telah dikreditkan ke dalam akaun tergantung (jualan saham). Muhibbah telah dilunaskan sepenuhnya sebelum 1999. Andaikan keuntungan Emas Bhd. diperolehi secara purata sepanjang tahun.

Berpandukan piawaian perakaunan MASB 11, anda dikehendaki:

- (a) Mengira keuntungan/(kerugian) daripada jualan saham;

[3 markah]

- (b) Menyediakan jurnal am untuk memperbetulkan akaun tergantung dalam buku akaun Intan Bhd. (naratif tidak diperlukan);

[2 markah]

...6/-

- (c) Menyediakan jurnal pelarasan Disatukan (naratif tidak diperlukan); [6 markah]
- (d) Menyediakan lembaran kerja Disatukan untuk Intan Bhd. bagi tahun kewangan 1999; dan [9 markah]
- (e) Andaikan polisi syarikat adalah untuk menjadikan muhibbah sebagai butiran kekal ("permanent item"). Bincangkan implikasi perakaunan ke atas polisi ini. [5 markah]

Soalan 4 (25 markah)

- (a) Berikan lima keadaan di mana kepentingan syarikat induk dalam anak syarikat akan berkurangan mengikut undang-undang Malaysia. [5 markah]
- (b) Apakah syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebelum ianya dibenarkan untuk membeli balik saham-sahamnya mengikut Seksyen 67A, Akta Syarikat, 1965? [5 markah]
- (c) Apakah sebab-sebab yang mendorong syarikat awam yang disenaraikan di BSKL untuk membeli balik saham-sahamnya? [5 markah]
- (d) Terangkan dua cara perakaunan yang telah dibenarkan dalam Seksyen 67A, Akta Syarikat, 1965 untuk pembelian balik saham-saham sendiri. [10 markah]

